

19 FEB 2004

PEMUDA UMNO PULAU PINANG KERJA KERAS PASTIKAN KEMENANGAN BN

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Pulau Pinang dan seluruh jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) yang lain akan memastikan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak dapat bertapak walau seinci pun di negeri itu.

Ketua Pemuda Pulau Pinang Datuk Roslan Saidin berkata mereka akan bekerja keras bagi memastikan kemenangan calon BN dalam pilihan raya umum akan datang.

"Abdul Hadi boleh mencuba nasibnya dan berangan-angan kosong untuk bertanding di Parlimen Kepala Batas," katanya sebagai mengulas kenyataan pemimpin pembangkang itu bahawa beliau bersedia bertanding di mana-mana kawasan nanti termasuk kerusi Parlimen Kepala Batas yang disandang Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Roslan berkata dalam satu kenyataan hari ini bahawa hasrat Abdul Hadi bukanlah gimik baru kerana sebelum ini pun beliau pernah berangan-angan hendak mencabar Tun Dr Mahathir Mohamad di Kubang Pasu.

Beliau berkata seluruh rakyat Pulau Pinang termasuk golongan bukan Islam memberi sokongan penuh kepada Abdullah memandangkan beliau merupakan anak kelahiran negeri yang disegani kerana kehalusan budi dan akhlaknya.

"Rakyat dan penyokong PAS sendiri tentunya tidak lupa dengan strategi PAS mendapatkan publisiti murah di media massa," katanya.

- -BERNAMA
ASF MFJ RON